

AKU BUDAK TELOK

Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat tumpah darahku...berbagai pengalaman hidup, asam garam pahit manis kehidupan aku lalui di sini..Mana mungkin aku melupakanmu, Duhai kampungku, Telok Panglima Garang...kau tetap di hatiku

Februari 20, 2015

SEJARAH AWAL POLIS DI KLANG (1871-1896)

Salam buat semua. Bertemu lagi kita di alam maya. Moga-moga semua dalam keadaan sihat walafiat. Sekarang ini banyak sangat kedengaran dan berita sama ada di blogmahupun di akhbar tentang orang Melayu mula bertelagah sesama sendiri, kononnya atas perbezaan fahaman politik yang mendalam. Masing-masing menuduh orang lain kurang 'keMelayuan atau keIslamannya. Yang menghairankan aku, ada yang sanggup menuduh sahabat seislamnya kafir kerana tidak mendokong perjuangan partinya, sedangkan yang bercakap itu pun kurang amalan fardhu dan keislamannya dalam kehidupan seharian. Aku cukup bimbang hal ini kerana sejarah hitam mungkin berulang, dengan kesan yang lebih teruk lagi terhadap ummah. Kalau korang baca sejarah Perang Klang (1867-1874), begitulah mulanya berebut kekayaan dan kekuasaan. Aku tak nak ler bercerita panjang tentang itu. Lagipun dah banyak blog khusus membicarakannya. Cukuplah kalau aku katakan jangan diulang lagi kebodohan dan kedangkalan fikiran pemimpin-pemimpin Melayu dahulu. Menang sorak kampung tergadai. Yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu. Bahkan kita dan keturunan kita jadi lauk orang dan bangsa lain. Hancur negeri dan anak bangsa. Untuk pulihkan balik, kita terpaksa ambil lebih 80 tahun berjuang dan berjihad. Bayangkan sejak 1874 hingga 1957. Memang, luka lama pasti berdarah kembali.

Tapi biarlah itu menjadi pengajaran buat semua. Namun, hidup harus diteruskan.

Setelah tamatnya perang tersebut, keamanan perlu dipulihkan. Rakyat yang melarikan diri perlu dipujuk agar kembali ke kampung halaman. Negeri perlu dibangunkan. Kali ini di bawah pengurusan baharu. Pengurus yang diimport, CEO yang telah lama mengidamkan jawatan dan kekayaan negeri. Tuan tanah dinasihatkan bersara awal dengan pencen sebanyak 2000 pound sterling setahun sambil terus menghisap candu kegemarannya.

"Biarkan kami bekerja untuk tuanku," kata CEO baru itu.

Maka, dibuatnya negeri Selangor ini semahu emak abah dia. Dipanggilnya kaum kerabatnya dari England membantu kerja-kerjanya di pejabat, di ladang, manakala kaum-kaum pendatang, diangkutnya berkapal-kapal ke mari, terus ke lombong bijih timah atau ke estet-estet kelapa, kopi dan getah. Penduduk asal, kaum Melayu menjadi golongan minoriti, terperosok di hujung kampung dan di pinggir hutan, cuma lebih baik sedikit kehidupan mereka berbanding Sakai.

AKU BUDAK TELOK

seumpama Yahudi. Saban hari dan waktu, berkapal-kapal jongkong timah dibawa balik ke kampung halaman penjajah nun jauh di Eropah, berpikul-pikul kelapa, getah menjadi milik mereka. Kita pula hanya mampu memandang harta milik kita diambil orang, dengan restu Sultan. Kita juga semakin bijak dan pandai.... menguruskan kemiskinan, malah terus akur dan patuh setia terhadap Sultan dan penasihat baharu baginda.

Maka untuk menjamin kemewahan ini berterusan, mereka menyiapkan pasukan polis kononnya untuk memelihara keamanan. Sesiapa sahaja yang bersuara dianggap menderhakai sultan dan mesti ditamatkan segera riwayat mereka. Sultan dan kerabatnya terus dibuai dan diulit mimpi indah. Segala keinginan baginda diikuti asalkan bukan tampuk dan kuasa pemerintahan. Sultan kini hanyalah boneka Inggeris di mata rakyat jelata.

Panjang bonar wey, intro aku kali ini! Kisah yang hendak aku ceritakan kali ini memang mengenai keselamatan negeri. Cer teka, cer teka. Mana korang tahu, wey? Hebat ler korang! Memang ler aku nak tulis tentang sejarah kepolisan di Selangor dan di Klang khususnya. Tapi sebelum itu, aku nak minta maaf bebanyak kat korang kerana penulisan aku kali ini bercampur aduk BI dan BM. Memang sengaja aku rojakkan supaya lebih sedap dan lebih mantop supaya korang idak ler ingat yang aku goreng korang sesuka hatiku. Lagipun nak *translate* teks asal dalam Bahasa Inggeris susah sikit pasal BI aku masa SPM pun tak ler hebat, cukup makan jer..Hehehehe. *So guys, enjoy the show.*

Ceritanya begini.....

Perang saudara di Selangor telah melumpuhkan sama sekali kegiatan-kegiatan ekonomi dan perdagangan di negeri itu. Dengan penawanan kembali Kuala Lumpur oleh angkatan gabungan Tengku Kudin dan Yap Ah Loy maka berakhirnya. perang saudara di Selangor yang memakan masa lapan tahun:


Sebenarnya, Tengku Kudin dan Residen berkawan baik sejak dahulu. Residen dipertanggungjawabkan dengan tugas mewujudkan pasukan polis di Selangor beribu pejabat di Klang:

In Selangor, the Viceroy and the Resident (Mr. Davidson) were old friends, and the latter was able to establish a Government Treasury with a proper system of accounts, to organize a police force, and initiate such simple reforms as were required in a small place like Klang. In consequence of the unsettled state of affairs that prevailed in Selangor, the Sultan in 1874 requested the Colonial Government to send him officers to assist in the government of the country. In reply to this appeal, Mr. Davidson was despatched to Klang and Mr. Swettenham to Kuala Langat. A police force was established by Mr. Davidson, with headquarters at Klang.

A little known fact is that Tengku Kudin, the Viceroy of Selangor who was involved in the Selangor Civil War against Raja Mahdi, had a garrison of 100 Sikh mercenary soldiers recruited from the Straits Settlements stationed at Kuala Selangor in 1871 under the command of Pennefather, a professional soldier of fortune (former British army sergeant). On the advise of the British, Tengku Kudin recruited 100 Sikhs locally and garrisoned the Fort at Kuala Selangor, along with 30-40

AKU BUDAK TELOK

Tunku Kudin memang telah menubuhkan sebuah Pasukan Polis dan dalam tahun 1871 telah merekrut dua orang pegawai Eropah - seorang Belanda bernama Van Hagen dan seorang Italy bernama Cavaleiri. Pasukan Polis tersebut mengandungi 30 orang Eropah dan Serani serta 80 orang sepoi India. Tunku Kudin adalah rakan sepakatan Yap Ah Loy, Kapitan Cina waktu itu. Dengan nasihat British, beliau merekrut 100 orang Sikh dan ditempatkan di Kuala Selangor. Polis Sikh ini telah menyertai peperangan menentang tentera Raja Mahadi sehingga 1874. Ramai yang telah terkorban.




Pandangan dari Kota Raja Mahadi . Kelihatan Gedung Raja Abdullah di bawah bukit



Pintu masuk ke Kota Raja Mahadi

AKU BUDAK TELOK



Penerangan mengenai Kota ini



Kesan binaan kubu di kota ini



AKU BUDAK TELOK

Lumpur bagi menghadapi ancaman Syed Masyhur yang juga menjadi musuh ketat Yap Ah Loy. Kuala Lumpur ditawan oleh Syed Masyhor dalam bulan Ogos tahun yang sama. Pasukan Tunku Kudin telah diserang hendap oleh satu lagi kumpulan penentang yang diketuai oleh Raja Mahadi bin Raja Sulaiman ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah. Cavaleiri dan 20 orang anggota pasukan Tunku Kudin terbunuh. Ah Loy terpaksa melarikan diri dari Kuala Lumpur. Sementara itu Van Hagen dan 40 anggotanya ditawan dan dihukum bunuh di Kuala Lumpur.

Bila Davidson dilantik sebagai Residen British dalam tahun 1874, salah satu tindakan utamanya ialah menubuhkan Pasukan Polis. Pada masa itu, Klang sememangnya telah mempunyai pasukan polisnya di bawah kawalan Tengku Kudin. Justeru, tidaklah susah kepada Inggeris untuk merekrut anggota yang baharu. Hanya anggota yang berdisiplin sahaja yang dipilih semula. Yang lainnya diberhentikan setelah diberi sedikit pampasan. Selebihnya, diambil anggota baharu dari kalangan orang Melayu dari Melaka. Pembentukan Pasukan Polis diserahkan kepada seorang pegawai muda yang bernama Harry Charles Syers (Kemudian menjadi Pesuruhjaya Polis FMS). Dalam bulan Julai 1875, Harry Charles Syers dilantik sebagai Penguasa Polis dan Penjara Selangor.

No authentic record can be found of this force, but according to Sir Frank Swettenham ("British Malaya," page 221), reliable police forces were only established in each State in 1878, the non-commissioned officers and men being obtained from the British forces that were stationed in the colony at the time. The first Residents were also Chiefs of Police. Syers was chosen early in 1875 for secondment to the newly established colonial regime in the Malay state of Selangor, to raise a police force. On arrival at Klang, he took control of about 100 mercenaries, undisciplined, opium-sodden, and unpaid veterans of the civil war of 1867-73. After discharging those beyond rehabilitation he augmented his force to about 150 by recruiting in the Malay villages around Malacca. Almost all his superiors, including at the outset Frank Swettenham, were convinced that the disorder prevalent in the western Malay states could only be suppressed by a foreign gendarmerie of 'Sikh' (Punjabi) troops, to be held at a few central points and sent in as a strike force when required.

Peranan Polis dalam Pentadbiran British di Selangor

Dengan pelantikan beberapa orang kerabat diraja Selangor dan pembesar setia Tengku Kudin sebagai Magistret dan Penghulu, tugas kepolisan dalam menjaga dan memastikan keamanan berkekalan menjadi prasyarat pembangunan semula Selangor..Antara tugas-tugas rasmi, mereka mengutip cukai bagi pihak British, mengadili kes-kes kecil bukan jenayah, membantu polis dalam menjalankan tugas dan siasatan jenayah yang berlaku di kawasan mereka, mengawas-selia kerja-kerja pembangunan. Mereka dibayar 'ganjaran' 10 peratus hasil kutipan cukai atas tugas yang dipikul. Tugas polis mengawal pusat kutipan cukai (Custom House), mengiringi pegawai kastam menjalankan tugas, menjaga kutipan yang telah dipungut. Juga, balai polis dibina di kawasan perlombongan dan dilihat kehadiran mereka di kawasan petempatan Cina, mengawasi petempatan Residen dan pegawai-pegawai Inggeris. Kehadiran mereka dalam keadaan bersiap siaga bersenjata di mana-mana sahaja mereka diperlukan amat penting. Namun begitu, tugas kepolisan di kawasan majoriti Cina ini diambil alih oleh pentadbiran Kapitan Cina masa itu, Yap Ah Loy. Atas perkhidmatan cemerlang


AKU BUDAK TELOK

.... We went straight to the house of the Captain China (pronounced Cheena), the man of importance in the district, who is governor of the Chinese in every sense of the word. His title is Sri Indra Purkasah Wi Jayah Bucktie (" Fair-fighting Chief and Hero "), and his name, Yap Ah Loy, commonly called by Europeans the Captain China. In return for his services to the district in opening new roads and preserving good order, with his own police force, the government allows him a royalty of \$1 on every bhara (which equals three piculs, or four hundred pounds) of tin exported

Syers percaya untuk kawalan keselamatan di negeri-negeri Melayu , pasukan polis Melayu perlu dihantar dalam jumlah yang kecil ke kampung-kampung untuk membantu Penghulu dan ketua kampung:

Syers, however, firmly believed that Malays should man the police force in a Malay state, and that they should be dispersed in small numbers to rural police stations to support the local Malay authorities. Although the dispute continued after Syers's death his policy eventually prevailed in shaping the Malayan police.

Menjelang Oktober 1878 anggota Pasukan Polis Selangor meningkat ke angka 227 dan kesemuanya adalah orang Melayu. Balai-balai polis juga didirikan di Klang, Kuala Lumpur, Damansara, Kubu Lama, Sungai Pelong, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Jugra, Kancing, Krian dan Hulu Langat. Pasukan Polis itu dikenali sebagai Pasukan Polis Tentera Selangor (*Selangor Military Police Force*)



Contoh Balai Polis di Selangor era Kolonial



The everyday items used by these earlier police forces are of interest such as an ancient typewriter, a pith helmet, notebooks, a drinking water filter, a fire extinguisher, a revolver, buttons and so on.

The first authentic report (dated October, 1879) shows that the force was composed of 227 men, all of whom were Malays. Some time afterwards Indians were added. The force was armed with Snider carbines, Martini - Henri carbines coming into use much later. These, in turn, were superseded by the '303 weapon at present in use.

Antara kelengkapan persenjataan pasukan polis masa itu:

AKU BUDAK TELOK



Senapang Martini-Henri



Pandangan dekat pemacu senapang itu



peluru yang digunakan

AKU BUDAK TELOK



Assesori lengkap senapang beserta bayonet



Latihan menembak menggunakan senapang Martini-Henri



Senapang jenis Snider carbine



Pandangan dekat pemacu senapang tersebut


AKU BUDAK TELOK



Pengisian peluru ke dalam senapang jenis Snider Carbine



Kotak peluru



Katij peluru Snider Carbines

AKU BUDAK TELOK



Lee-Enfield rifle



Pandangan dekat pemicu Lee-Enfield Rifle



British Standard Mk VII .303 inch cartridge for Lee-Enfield rifle.

Pada tahun 1880, kekuatan pasukan polis Selangor mencapai 255 orang. Sumbangan terbesar Yap Ah Loy adalah menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan di Selangor pada 1880. Kejayaan ini akhirnya menyebabkan Kerajaan Selangor memindahkan ibu negerinya dari Klang ke Kuala Lumpur. Tetapi ada fakta menarik disebalik kenapa Davidson beria-ia benar hendak ke KL:

In 1879 an inquiry found the treasury and land offices hopelessly disorganized and he was criticized for failing to extend his control to the mining districts in the interior. In response he moved to Kuala Lumpur and attempted to remedy the deficiencies in his administration, The police headquarters were also removed to Kuala Lumpur from Klang in 1882. but in 1882 his son-in-law, Dominick Daniel Daly, whom he had appointed superintendent of public works, was dismissed for land jobbery; other irregularities were discovered and Douglas had to resign.

..In 1881 the force was composed of a superintendent (salary 150 dollars per mensem), a senior inspector (salary 80 dollars per mensem), a junior inspector (salary 70 dollars per mensem), 2

AKU BUDAK TELOK

The only European officer at this time was Captain Syers, who joined on March 1, 1875, and was, unfortunately, killed by a seladang in Pahang on July 13, 1897.

The Selangor Police headquarters were removed to Kuala Lumpur from Klang in 1882.

Pada tahun 1885, pasukan polis Selangor terdiri daripada seorang ketua polis berbangsa Eropah, 2 orang inspektor berbangsa Eropah, 305 orang polis Melayu termasuk 50 orang Sikh. Pada tahun 1887, jumlah ini meningkat kepada 400 orang.

..Sir Andrew Clarke encouraged recruitment of Sikhs, and by (the end of) 1880s, Captain H.C Syers had assembled a force of about 530 Military Police, known as the Selangor Sikhs. The State of Selangor has 530 Selangor Sikhs under Captain H.C.Syers.

..A succession of British residents of Selangor disparaged each other but agreed that Syers did his job very well. His empathy with his Malay police was a personal tie that became a legend. He was less successful in dealings with the Chinese community since, like many other British officials, he did not know that the Chinese leaders whose co-operation he acknowledged exercised authority in their community through 'secret societies,' a feature of the social structure of the overseas Chinese. But Syers maintained effective order among the Chinese, bringing to justice in 1895 the criminals who had caused a crime wave (including the theft of three government safes).

By the year 1896, in Selangor Contingent, there were 6 European police officers, 32 Pathans and 500 low-rank officer and Malay constables. The police force is composed of Indians and Malays ; the former are found useful for guard and town duties and to deal with Chinese, while the Malays do best in coast stations and rural districts, especially where the population is mainly Malay.... All the senior officers are British, and they now form, with the Straits and Hong Kong, an eastern police service ; candidates must pass a competitive examination on entry, and undergo a special training to fit them for their duties.

Begitulah serba ringkas sejarah Polis di Selangor. Harap-harap korang faham isi kandung cerita aku ini termasuk yang dalam Bahasa Inggeris tu.

Pusat Pentadbiran Pasukan Polis di Klang

So, mengikut arkib laporan akhbar The Straits Times yang aku baca di internet, terdapat beberapa cerita menarik tentang jenayah yang berlaku di Klang.

Sebagai contoh, pada tahun 1875, seramai 20 orang anggota polis dihantar ke Klang dan ditempatkan di atas bukit untuk kawalan awam. Pasukan Polis juga dari Klang dikerah ke Tg. Karang untuk menyiasat dan menyelesaikan kes bunuh orang Kelantan oleh 3 orang Inche Wan Dah, (Siapa dia aku pun tak tahu). Waran tangkap dikeluarkan untuk ketiga-tiga orang tersebut.

AKU BUDAK TELOK

Polis juga perlu mengawasi etnik Minangkabau Rawa, Bugis, Cina yang berprasangka antara satu sama lain rentetan Perang Klang.

Pada tahun 1876, di dalam kota Raja Mahadi, diberitakan terdapat kuarters konkrit yang panjang untuk kerani-kerani dan Ketua Polis Tengku Kudin.

Banglo Syers pula terletak di belakang kuarters tersebut. Balai polis Klang terletak di atas Bukit Jawa, bukit bersebelahan kota ini. Mahkamah pula diadakan di sebelah rumah Residen. Di situ juga dibina pejabat-pejabat kerajaan yang lain. Rumah Residen terletak di atas bukit di pinggir sungai Klang. Banglo-banglo pegawai Inggeris dibina di bukit-bukit berhampiran. Ketika itu Klang aman, cuma harga barang makanan harian mahal dan jetinya di Pengkalan Batu sudah usang dan tidak terpelihara. Keadaan kedai dan jalan-jalan rayanya baik dan terang pada waktu malam

Antara kes-kes terkenal di Klang sekitar 1876 ialah kes pembunuhan upahan. Suspek berketurunan Melayu dari Hulu Klang dikatakan membunuh sepupunya sendiri dengan bayaran sebanyak \$6. Dia mengaku melakukan pembunuhan tersebut. 10 hari kemudian dia dihukum gantung di Hulu Klang oleh Tuan Residen bersama dua orang juri yang dilantik sultan dan dikebumikan berhampiran tempat hukuman dijalankan.

Pada tanggal 17 Ogos 1876, Klang digemparkan dengan penggantungan seorang banduan Melayu dari Kapar atas kesalahan membunuh. Pembunuh marah kerana simati menghadiahkan isterinya beberapa helai kain batik. Simati ditembak 2 kali ketika di Sungai Kapar. Orang Klang, berbilang bangsa, agama dan keturunan keluar beramai-ramai menyaksikan penggantungan dijalankan. Pada jam 8 pagi, pesalah dibawa keluar dari penjara menghala ke Kota Raja Mahadi untuk digantung. Suasana penuh pilu kerana anak-anak banduan dan keluarga simati turut hadir.

Sepanjang tahun 1874-1882 hasil utama Selangor cukai bijih timah dan cukai candu dan arak. Perbelanjaan utama pula meliputi pembayaran hutang kepada kerajaan Negeri-negeri Selat, hutang sultan, serta hutang pembesar-pembesar ketika perang yang dipersetujui oleh kerajaan Inggeris di Selangor untuk melangsakannya.

Secara umumnya tugas rasmi polis di Selangor adalah mengiring pengutip-pengutip cukai yang dilantik, selain menjadi pengawal kepada Residen dan pegawai-pegawai Inggeris ketika itu:

The grassy sloping banks of the old fort are mounted with a dreadful array of venerable guns of different shapes and sizes, a curious type of 4 pounder being the most frequent specimen; some of the guns have quietly slipped down from their carriages in search of a softer couch, and lie stretched at full length on the beautiful turf. A sense of sweet security reigns supreme within the precincts of this fortification. The Magistrate and Collector of Klang, Mr. Tiernay, lives in a roomy bungalow perched on a high hill commanding the town, of which the salient features have been thus simply described.

AKU BUDAK TELOK

piles of shot. Behind it there is a guard-room, with racks of rifles and bayonets for the Resident's body-guard of twelve men, and quarters for the married soldiers, for soldiers they are, though they are called policemen. A gong hangs in front of the porch on which to sound the alarm, and a hundred men fully armed can turn out at five minutes' notice. But my time came, and I had to leave his rambling, roomy, and cool bungalow in the fort ; the Malay bugler who used to practise the " Dead March in Saul " every morning ; the drills and parades ; and the jolly friend who entertained me so patiently to the last.

Sejak 1880, Rumah Raja Abdullah telah dijadikan ibu pejabat Polis di Klang sehinggalah bangunan baharu Polis dibina di belakang rumah ini pada tahun 1980.

...In 1880, the Palace of Raja Abdullah was used as the headquarters of Klang Police for a continuous 100 years. In 1880, Gedung Raja Abdullah was turned into a police station and remained so until 1974. The lock-ups, with heavy iron wrought gates, still exist. The building was emptied from 1980-1984 as the police headquarter of Klang moved away to the back of the palace.



Gedung Raja Abdullah dijadikan Balai Polis Klang Selatan era Penjajah

AKU BUDAK TELOK



Balai Polis Klang Selatan di bahagian belakang Gedung Raja Abdullah
pada tahun 1980an

AKU BUDAK TELOK



Bukti *Lock up* Polis didalam Gedung Raja Abdullah

Rujukan:

The Straits Times, 11 May 1897, Page 3

SELANOOR

Straits Times Weekly Issue, 8 November 1886, Page 5

Selangor: a Protected Native State.

The Straits Times, 21 March 1884, Page 3

Report on Selangor for 1883

The Straits Times, 24 April 1875, Page 2

REPORT OF THE RESIDENT OF SALANGORE.

The Straits Times, 19 July 1897, Page 3

SAD DEATH OF CAPTAIN SYERS.

The Straits Times, 26 August 1934, Page 16

AKU BUDAK TELOK

LEGISLATIVE COUNCIL. Singapore, 16th September, 1874.

The Straits Times, 7 July 1896, Page 2

KUALA KLANG RAILWAY EXTENSION.

Straits Times Overland Journal, 5 December 1872, Page 10

ITEMS FROM THE JAVA PAPERS.

Kongsi

Label: 1867, 1875, administration, Civil War, keratan akhbar, klang, polis, Selangor, Strait Times

ULASAN



Athirah Anis 16 Ogos 2020 10:18 PG

Assalam, saya sedang jalankan kajian sejarah bangunan warisan Gedung Raja Abdullah, saya berminat untuk mengetahui sejarah Klang dengan lebih lanjut, boleh saya dapatkan contact number/emel encik?



abah kau emak aku 26 Ogos 2020 10:04 PG

waalaikum salam...mungkin artikel ini dapat membantu anda
SELANGOR IN THE DAYS OF THE CIVIL WAR
The Straits Times, 26 August 1948, Page 8

BALAS



Masukkan ulasan anda...

CATATAN POPULAR